

'Di sini pun unik'

■ Pemuda Palestin seronok sambut raya di Malaysia walaupun rindu negara sendiri

Oleh Elrafaei Sapi
ahmadelrafaei@mediapri-
ma.com.my
Bangi

“S ukar untuk gam-
barkan betapa
bertuah kami atas
bantuan Malaysia terhadap
masyarakat Palestin. Sam-
butan Aidiladha sama di ma-
na saja kerana semua adalah
Muslim,” kata rakyat Pales-
tin Mahmoud K M Younis.

Graduan Sarjana Kejuru-
teraan dari Universiti Putra
Malaysia (UPM) ini menya-
takan sambutan di negara
asal lebih meriah apabila di-
raikan selama lima hari un-
tuk cuti umum manakala tiga
hari untuk Aidilfitri.

“Di sana, anggota keluarga
saling membantu dan saya

juga sukakan kemeriahannya
di sini. Rakan saling mengu-
capkan salam Aidiladha dan
paling istimewa dapat ber-
kumpul sama menjayakan
aktiviti korban di sini,” ka-
tanya pada majlis korban an-
juran Surau Al-Kauthar dan
Aqsa Syarif di sini, semalam.

Menurutnya, sambu-
tan Aidiladha me-
nununjukkan per-
paduan dalam
masyarakat Is-
lam dan bukan
mengenai se-
suatu budaya.
Dibandingkan
negara asal, dia
mengakui sambutan
di sini juga unik.

“Aktiviti korban di Pa-
lestin dijalankan di dalam
rumah. Saya sendiri me-

PESERTA dari Palestin turut menjayakan aktiviti korban di Surau Al-Kauthar, semalam.



MAHMOUD

nyaksikan aktiviti ini dila-
kukan di kediaman berbeza
setiap hari seperti di ru-
mah bapa saudara
pada keesokan ha-
rinya diikuti ru-
mah datuk.

“Walaupun
saya bukan da-
lam anggota ke-
luarga yang me-
lakukan korban di
sini, saya tetap gem-
bira apabila diajak me-
raikan bersama termasuk
rakan beragama Islam yang
memberikan sedekah daging

korban,” katanya.

Mahmoud, 26, masih bu-
jang berkata, dia berpuas hati
dengan sambutan Aidiladha
di negara ini. Persepsinya
berubah selepas lapan tahun
menetap di sini dan merasai
kehidupan bersama masya-
rakat Melayu.

“Dibandingkan beberapa
tahun sebelum ini, perasaan
agak membosankan kerana
terbabit sebagai pelajar yang
tinggal dalam kampus.”

“Apabila tiba Aidiladha,
kantin tutup dan kami pelajar
asing sukar mendapatkan ma-

kanan. Meskipun sukar ber-
gerak kerana tiada kenderaan
sendiri, selepas itu saya turut
dijemput rakan beragama Is-
lam di sini menghadiri pelbagai
keraian seperti akikah, kenduri
perkahwinan dan rumah ter-
buka,” katanya.

Katanya, dia bersyukur
dengan kehidupan dilalui di
sini dan cintakan Malaysia.

Bak pepatah hujan emas di
negeri sendiri, dia tetap
mempunyai hasrat kembali
ke negeri asal di Gaza.

“Saya pasti merindui budaya

dan makanan di sini. Usaha
kerajaan dan badan bukan ke-
rajaan (NGO) di sini mem-
bantu Palestin begitu banyak.

“Contohnya, kilang roti di-
usahakan rakyat Malaysia

yang dibuka di sana menjual
roti pada harga murah. Saya
mewakili rakyat Palestin
mengucapkan berbanyak te-
rima kasih atas kebaikan
ini,” katanya.

FAKTA
Ubah persepsi
sambutan di negara
ini selepas keluar
dari kampus